

# PATRIOT

BULETIN KEMENTERIAN PERTAHANAN

ISSN 1511-1849 BIL : 1/2012

PERCUMA



## PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA



# KANDUNGAN

- 2 DASAR PERTAHANAN NEGARA.
- 6 ISTIADAT PERBARISAN MEMULIAKAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG.
- 7 PORT DICKSON BANDAR TENTERA DARAT.
- 8 PENGANJURAN DSA KE-13 LEBIH GAHI!
- 10 DATO' K KINI KOLONEL TERHORMAT.
- 11 LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN.
- 12 UJANG NORMIN PAHLAWAN NEGARA.
- 13 LAWATAN MENHAN KE PENDING.
- 14 'SATU ANGKATAN: TETAP GAGAH, TETAP SETIA.
- 16 MAHLIGAI PUSPANITAKU.
- 17 BAN KI-MOON KE PUSAT LATIHAN PENGAMAN MALAYSIA.
- 18 1 DIVISYEN DAPAT PERHATIAN KSU.
- 19 PERBELANJAAN BERHEMAT LAGI TERKAWAL, PEMACU KECERMERLANGAN MINDEF.
- 20 LAWATAN "WALKABOUT" DARI ATASE PERTAHANAN.
- 21 KSN TOWN HALL SESSION.
- 22 PROGRAM BERSAMA ULAMA ANTARABANGSA.
- 23 1 DIVISYEN BANGGA DIKTIRAF ENTITI TRANSFORMASI KERAJAAN.
- 24 "THE RIGHT MAN FOR THE RIGHT JOB"
- 25 SEMINAR KEKELUARGAAN MINDEF.
- 26 UPNM, ATM & WMG (PERKENAL PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK).
- 27 MEMBUDAYAKAN AMALAN 5S MINDEF
- 28 ULANGTAHUN MEMPERINGATI VETEREN AUSTRALIA YANG KE-70.
- 29 LT ADNAN DALAM KENANGAN



6



8

14

16



21

24

29



Salam kegemilangan dan salam 1Malaysia, Alhamdulillah, PATRIOT terus menemui pembaca bagi edisi 1/2012 dimana kali ini dengan tema "Pertahanan Negara Tanggungjawab Bersama". Seperti semua sedia maklum Kementerian Pertahanan telah menjadikan Dasar Pertahanan Negara satu dokumen penting yang dinantikan oleh semua rakyat Malaysia. Dasar Pertahanan Negara mencerminkan hasrat Negara untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan Negara. Dasar Pertahanan Negara menggariskan tiga asas utama iaitu kepentingan-kepentingan strategik Negara, prinsip-prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Ia menekankan keperluan mengekalkan sekitaran kawasan kepentingan strategik Negara yang stabil dan aman.

# DARI MEJA KETUA EDITOR

Selain itu, tahun ini untuk tahun ke-13, Kementerian Pertahanan sekali lagi mengunjurkan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia atau lebih dikenali dengan nama "Defence Services Asia Exhibition and Conference" pada 16 hingga 19 April 2012. Lebih 200 syarikat mewakili 20 negara terlibat secara khusus dengan dibantu oleh Kementerian Perumahan, dan Polis Diraja Malaysia. Pameran kali ini sangat menghargai lawatan dari Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Dengan objektif kearah pembangunan pertahanan, diharapkan membantu dalam memperkukuhkan lagi sistem pertahanan Negara sekaligus memastikan kesiapsiagaan di dalam pentadbiran pertahanan.

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Y.Bhg Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Ahmad  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia.

### PENASIHAT

Razman Hakimi Bin Abdullah  
Ketua Komunikasi Korporat.

### KETUA EDITOR

Masnoor Bin Ashaari.

### EDITOR

Nazrie Bin Saini.

### WARTAWAN

Mej Suria binti Sulaiman  
Mej Mohd Nizam bin Mohd Zafri TUDM  
Abdullah Fikry bin Masnoor (Pelatih UiTM)  
Nur Shareena binti Shaari (Pelatih KUIS)  
Nur Asikin binti Johari (Pelatih UiTM)  
Siti Nurhafizah binti Mohd Noh (Pelatih UKM)

### PENULIS TAMU

Mohd Yusrizal bin Ab. Razak ( JHEV )  
Kapt Mohd Said Adam bin Mohamed Said ( Markas 1Div )  
Shahidah Banu bt Abdul Satar ( PUSPANITA )  
Pbt Muhammad Fauzan Syauki bin Ishak ( Sel PRTD )

### FOTO

Sel Liputan & Sel Rujukan Dan Penerbitan, UKK.

### TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertahanan Malaysia.

Sidang Redaksi Buletin PATRIOT mengalu-alukan sumbangan artikel mengenai aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi dibawahnya. Artikel hendaklah dihantar kepada:

### EDITOR


Buletin PATRIOT, Unit Komunikasi Korporat,  
Kementerian Pertahanan Malaysia,  
Jalan Padang Tembak, 50634, Kuala Lumpur.  
Tel : 03-2071 4008  
Email : nazrie@mod.gov.my

# DASAR PERTAHANAN NEGARA


**D**asar Pertahanan Negara diwujudkan untuk mempertahankan dan melindungi kepentingan yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan negara. Dasar Pertahanan Negara turut mencerminkan hasrat negara untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan negara. Dasar Pertahanan Negara juga telah menggariskan tiga asas utama iaitu kepentingan-kepentingan strategik negara, prinsip-prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Ia turut menekankan keperluan mengekalkan sekitaran kawasan kepentingan strategik negara yang stabil dan aman.

## **Kawasan Serantau**

Kawasan kepentingan strategik negara dapat dilihat dari tiga lapisan iaitu kawasan terdekat, serantau dan global. Kawasan terdekat termasuk wilayah daratan, perairan negara, ruang angkasa, Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), Selat Melaka dan laluan pintu keluar masuknya, dan Selat Singapura selain jaluran laluan perhubungan laut dan udara yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Kawasan serantau yang dianggap penting oleh Malaysia meliputi Asia Tenggara, termasuk Kepulauan Andaman dan juga Laut China Selatan kerana sebarang perkembangan di rantau ini akan juga memberi kesan kepada keselamatan dan pembangunannya. Hal yang demikian juga disebabkan Malaysia berkongsi sempadan darat atau laut atau kedua-duanya dengan setiap negara anggota ASEAN. Sebarang gangguan kepada keselamatan rantau ini dalam bentuk konflik dalaman atau luaran rantau akan memberi kesan ke atas keselamatan negara.



# PRINSIP-PRINSIP ASAS PERTAHANAN



## **i) Keupayaan Berdikari**

Malaysia perlu bergantung kepada sumber dan keupayaannya sendiri untuk memelihara kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan untuk bertindak balas ke atas sebarang serangan musuh yang berbentuk ancaman ketenteraan. Keupayaan tersebut juga meliputi sokongan logistik, sumber tenaga manusia dan juga industri pertahanan. Sehubungan itu, pembangunan industri pertahanan yang mantap serta kewujudan institusi sains dan penyelidikan pertahanan adalah sangat penting.

## **ii) Pertahanan Menyeluruh (Hanruh)**

Pertahanan secara menyeluruh dan bersepadu membabitkan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan juga rakyat jelata untuk mempertahankan kedaulatan, keutuhan dan kepentingan negara di dalam apa jua keadaan. Hakikat sebenarnya ialah mempertahankan negara bukanlah tanggungjawab ATM sahaja, malah merupakan tanggungjawab seluruh lapisan masyarakat. Setiap pihak perlu mengetahui peranan dan sumbangan yang boleh diberikan oleh mereka ketika negara menghadapi sebarang bencana ataupun dalam keadaan konflik. Dalam konteks ini, semangat patriotisme dan nasionalisme perlu dipupuk sepanjang masa kepada rakyat Malaysia dengan kesedaran bahawa kesejahteraan dan keamanan negara sebenarnya mengatasi segala kepentingan individu atau pun ideologi politik.

**iii) Komitmen Terhadap  
Peraturan Pertahanan Lima  
Negara (FPDA)**

Malaysia melihat FPDA sebagai jaringan penyelamat seandainya berlaku sebarang kemungkinan di luar kemampuan ATM. Selain Malaysia, FPDA turut dianggotai oleh Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom. FPDA merupakan satu-satunya kerjasama pertahanan pelbagai hala yang dianggotai Malaysia sejak tahun 1971. Walaupun belum diuji di dalam suasana peperangan atau konflik, FPDA merupakan unsur cegah rintang dan telah banyak menyumbang ke arah pembangunan serta pementapan tahap profesionalisme ATM.

**iv) Sokongan Usaha PBB Ke  
Arah Keamanan Sejagat**

Penyertaan Malaysia di bawah panji-panji PBB bermula pada tahun 1960 di Congo. Malaysia masih aktif dalam pelbagai Operasi Pengaman PBB yang merangkumi pembabitan sebagai Pemerhati Ketenteraan, Kumpulan Batalion, Kumpulan Staf Markas dan Teknikal PBB. Penglibatan ATM tidak terhad kepada pelaksanaan tugas mengaman semata, malah turut merangkumi penguatkuasaan keamanan dan bantuan kemanusiaan.

Malaysia menyokong sepenuhnya perjanjian, konvensyen mengenai pengawalan dan regim pelucutan senjata global. Komitmen Malaysia dapat diperjelas dengan semangat Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) yang berkuat kuasa pada Mac 1997.

Malaysia turut menyokong pengharaman pengeluaran, pembangunan, penyimpanan dan penggunaan senjata kimia dan biologiikal sejajar dengan "Convention on the Prohibition of the Development, Production, Stockpiling and Use of Chemical Weapons and their Destruction 1993".

Malaysia juga mengambil langkah mengharamkan penggunaan, pengeluaran, penyimpanan dan pemindahan periuk api setelah menandatangani Convention on the Prohibition of Use, Stockpiling, Production and Transfer of Anti-Personnel Mines and on their Destruction (Ottawa Convention) pada Disember 1997.



#### v) Diplomasi Pertahanan

Diplomasi Pertahanan merupakan salah satu usaha penting yang menyumbang ke arah mencegah tercetusnya konflik atau menghalang peningkatan sesuatu konflik yang akan menjejaskan keamanan dan kestabilan. Usaha-usaha ini dilaksanakan melalui latihan bersama, perkongsian maklumat, lawatan pegawai kanan, pertukaran pegawai dan penyediaan kemudahan pendidikan ketenteraan dan latihan. Malaysia mengamalkan pendekatan diplomasi pertahanan melalui hubungan kerjasama pertahanan dua hala dan juga pelbagai hala.

Sungguhpun tugas mempertahankan negara merupakan tanggungjawab pasukan keselamatan, kewajipan untuk memastikan bahawa pasukan berkenaan mampu menghadapi cabaran adalah tanggungjawab nasional. Menyedari betapa pentingnya kerjasama serantau dan bantuan luar, Malaysia yakin bahawa dasar keupayaan berdikari seharusnya terus menjadi tonggak pertahanan negara. Sehubungan ini, Malaysia akan terus berusaha kearah meningkat dan membangunkan keupayaan ATM di samping menggalakkan kesedaran pertahanan dan semangat patriotik di kalangan rakyat jelata.



# ISTIADAT PERBARISAN MEMULIAKAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Artikel : Abdullah Fikry Bin Masnoor (Pelatih UiTM) Foto : Kpl Shahrulhezar bin Azizan



Pada hari jumaat bertarikh 24 Februari 2012, telah diadakan istiadat perbarisan memuliakan Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong ke-14 selaku pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Seri Paduka Yang diPertuan Agong ke-14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah Hamidun berkenan berangkat menghadiri istiadat perbarisan ini. Keberangkatan tiba pasangan diraja itu di Dataran Panglima Angkatan Tentera tepat pada pukul 9 pagi disambut dengan lagu Negaraku dan tembakan meriam 21 das.

Seri Paduka kemudian memeriksa perbarisan terdiri daripada 22 pegawai dan 586 anggota lain-lain pangkat bagi ketiga-tiga perkhidmatan ATM terdiri dari lima detasmen iaitu tiga detasmen dari Tentera Darat dan dua lagi mewakili detasmen Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), sambil diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Istiadat perbarisan turut disertai dengan lintas hormat oleh lima buah pesawat yang terdiri daripada sebuah pesawat Agusta dari Tentera Darat, sebuah pesawat Fennex dari Tentera Laut Diraja Malaysia, dua buah pesawat Nuri serta sebuah pesawat Allouette dari Tentera Udara Diraja Malaysia. Pesawat-pesawat tersebut membawa bendera jalur gemilang, bendera Angkatan Tentera Malaysia dan bendera ketiga-tiga perkhidmatan. Sebelum istiadat perbarisan sampai ke penghujungnya, anggota-anggota perbarisan telah melaungkan 'Daulat Tuanku' dan majlis istiadat itu diakhiri dengan bacaan doa. Sebelum Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong dan Permaisuri Agong beredar meninggalkan majlis istiadat pada pukul 9.40 pagi, baginda berdua sempat menerima tabik hormat daripada pasukan kawalan kehormatan.

Turut hadir ke majlis istiadat ini termasuklah panglima-panglima dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM, atase pertahanan beberapa Suruhanjaya Tinggi beserta duta-duta asing di negara ini.



# PORT DICKSON BANDAR TENTERA DARAT

Artikel : Mej Suria binti Sulaiman

Foto : Sel Perhubungan Raya, MTD

Satu lagi sejarah telah terukir di dalam lembar Tentera Darat apabila pada 27 April yang lalu satu Majlis Penyerahan Kunci Bandar Port Dickson kepada Tentera Darat telah di adakan bertempat di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson Negeri Sembilan.

Port Dickson yang diisytiharkan Bandar Tentera Darat pada 2009 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Najib Razak, bukan saja menjadi lokasi tumpuan tentera, malah telah berubah menjadi bandar pelancongan bercirikan tentera sepenuhnya. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pelbagai program diaturkan dan akan dimasukkan dalam kalendar pelancongan bagi mengembalikan nostalgia kewujudan institusi Tentera Darat di sini sejak 79 tahun lalu. Antara aktiviti itu adalah pertunjukan Tatroo Tentera Darat, larian tentera, perbarisan tamat latihan perajurit muda dan pameran di Muzium Tentera Darat. Malah, bangunan lama Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) akan dicat semula supaya bangunan bersejarah itu menjadi sebahagian produk pelancongan. Turut akan diwujudkan penginapan ala tentera di berek tentera atau 'barrack stay' bagi membolehkan orang ramai merasai sendiri kehidupan sebagai anggota tentera.

Simbolik Majlis Penyerahan Kunci itu diserahkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YB Datuk Seri Mohamad Hasan kepada Menteri Pertahanan YB Dato' Seri Zahid Hamidi sebelum diserahkan kepada Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin.

Pelbagai struktur akan dinaik taraf di Bandar Port Dickson, termasuk mendirikan Kolej Tentera Darat dengan kos RM75 juta bagi menggantikan kolej yang sebelum ini di Johor. Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan berkata, kerajaan negeri akan memastikan Bandar itu mempunyai ciri ketenteraan dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan ia terus menjadi tarikan pelancong selain sebagai pusat peranginan negara.

"Semua kawasan di sini, termasuk gerai akan dibuat bercirikan tentera selaras dengan nama Bandar Tentera Darat. Menerusi fasa pertama, kita membina pintu gergasi bercirikan ketenteraan, manakal fasa kedua dan seterusnya akan menyusul," katanya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj Isa bin Hj Abdul Samad, ADUN Bagan Pinang dan Yang Dihormati SAC Dato' Osman bin Hj Salleh Ketua Polis Negeri Sembilan.





## PENGANJURAN DSA KE-13 LEBIH GAH!

ARTIKEL: NAZRIE BIN SAINI

FOTO : SJK RIAU AK ANGSANG

Pameran Sistem Perkhidmatan Pertahanan Asia yang ke-13 atau lebih dikenali dengan Defence Service Asia Exhibition and Conference, menjadi tumpuan orang ramai dan penganjurannya seiring dengan pembangunan pertahanan di Asia yang kini pesat membangun sekaligus memperkukuhkan lagi sistem pertahanan yang telah sedia ada mantap. Penganjuran kali ini diadakan pada 16 hingga 19 April 2012 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.



Pameran ini turut mendapat kerjasama erat Kementerian Pertahanan dengan Kementerian Perumahan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Tahun ini sebanyak 850 syarikat yang mewakili 45 buah Negara diserata dunia mengikuti pameran ini. Sambutan yang diterima amat memberangsangkan dimana pempamer terdiri daripada syarikat-syarikat gergasi yang telah menempah nama dalam pembuatan alat-alat keselamatan dan pertahanan sejak sekitar tahun 1960-an lagi. Pembukaan Defence Service Asia telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Sri Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Sepanjang berlangsungnya pameran ini, pelbagai aktiviti dirancang antaranya Majlis Perjanjian Persefahaman (MOU) diantara Kementerian Pertahanan dengan pihak-pihak yang berjaya menerima kontrak.

Selain itu juga, forum khas seperti Forum Pertahanan dan Keselamatan serta persidangan khas mengenai isu-isu pertahanan sejagat juga dilancarkan. Selain kehadiran pihak media, orang awam dan orang-orang kenamaan, pameran kali ini juga menerima kunjungan Yang diPertuan Agong ke 14 yang baru ditabalkan iaitu Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Antara lawatan yang menjadi tumpuan ialah lawatan Sultan Brunei, Sultan Hasanah Bolkiah. Tidak ketinggalan juga Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak hadir untuk memeriahkan lagi suasana pameran dan persidangan kali ini .

Pameran DSA yang berlangsung di PWTC menampilkan 850 pempamer dari 45 buah Negara dan seramai 25,000 pelawat menghadiri pameran yang di persembahkan, DSA kali ini lebih menarik kerana 45 Negara mempamerkan asset Pertahanan yang serba moden. Antara syarikat dan kerajaan yang telah mengambil ruang pameran pada DSA 2012 ialah ADS dan UKTI DSO (Pavilion United Kindom), Avibras, BAE Sistem, Bumar EADS, Finmeccanica, KDIA (Pavilion Korea), MBDA, Ruag, SAAB, SATIND (Pavilion China) dan SSM (Pavilion Turki), pavilion Negara terbesar serta fair management (Pavilion Switzerland), OMNIPOL (Pavilion Republic Czech) dan banyak lagi.

Pameran kali ini merangkumi beberapa kategori. Antaranya sistem pertahanan, sistem keselamatan dan sistem komunikasi untuk pertahanan darat, laut dan udara. Sebagai contoh, pakaian-pakaian tentera yang tampak kemas dan segar dengan pilihan warna-warna garang bersesuaian dengan situasi, kenderaan-kenderaan perang yang semakin canggih seperti kereta kebal anti peluru, kapal terbang bomber serta kapal terbang berpeluru berpandu, kapal-kapal laut dan kapal selam yang disertakan dengan alat-alat pengesan radar yang mana telah di naiktaraf, senjata-senjata api, pengesan dan pemusnah bom. Disamping itu, terdapat juga pameran mengesan penyeludupan senjata api dan dadah yang merbahaya di mana fungsi mengesannya adalah menggunakan komputer-komputer yang canggih dan terkini. Alat-alat keselamatan udara dan laut dipamerkan disegenap penjuru ruang pameran di Pusat Dagangan Dunia Putra ini yang keluasanya lebih kurang 40,000 kaki persegi.

Timbalan Perdana Menteri, YB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Yassin secara rasminya menutup pameran pada kali ini diikuti lawatan bersama pegawai-pegawai DSA 2012. Penganjuran kali ini diharap memberi peluang kepada semua orang ramai akan kecanggihan peralatan pertahanan yang wujud sekaligus memberikan pendedahan kepada Kementerian Pertahanan sendiri khususnya Angkatan Tentera Malaysia dalam mempertahankan negara.





## DATO' K KINI KOLONEL TERHORMAT

Artikel : Mej Suria binti Sulaiman

Foto : Pbt Salina binti Johari

Pada 3 April 2012, telah berlangsungnya perhimpunan bulanan MinDef bagi bulan April bertempat di Dataran Wisma Pertahanan. Perhimpunan bulanan ini dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latif bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato Seri Zulkifeli bin Mohd Zin, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta Pegawai-Pegawai Kanan Awam dan Tentera.

Perhimpunan dimulai dengan perbarisan yang diketuai oleh Lt Kolonel Haji Hussin Bin Haji Ali dari Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera dan diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan Negaraku dan lagu-lagu patriotik yang terdiri daripada Lagu Perkhidmatan Awam dan Tentera Benteng Pertahanan Negara oleh para hadirin. Selepas itu, majlis diserikan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Dalam ucapan beliau ketika di perhimpunan bulanan ini, Yang Berhormat Menteri Pertahanan memaklumkan kepada warga MinDef bahawa mereka sebagai penjawat awam memainkan peranan yang penting sebagai pelaksana dasar-dasar kerajaan. Beliau juga mengajak warga MinDef untuk bersama-sama mentransformasikan perkhidmatan awam supaya menjadi lebih cekap, responsif dan berani berubah. Selain itu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga sempat menyentuh mengenai pembatalan Pelaksanaan Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), pengkormesialan dan inovasi oleh kerajaan serta kemajuan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) disamping hal-hal sampingan yang lain.

Perhimpunan diteruskan dengan pemakaian pangkat pegawai tauliah kehormat dalam Angkatan Sukarelawan Persekutuan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Khalid bin Mohd Jiwa atau lebih dikenali sebagai Dato' 'K' yang menerima pangkat Kolonel Kehormat. Selain itu, Yang Berbahagia Prof

Dr Philibin Tan Sih Ean dianugerahkan pangkat Letenan Kolonel dan akhir sekali yang Berbahagia Encik Mohd Khair bin Mohd Noor yang dianugerahi Kapten Kehormat.

Dalam perhimpunan bulanan tersebut turut diadakan acara penyampaian sijil MS ISO 9001:2008. Sijil MS ISO 9001:2008 yang telah disampaikan oleh Encik Azhar bin Sulaiman, Pengurus Lloyds Register Quality Assurance (LRQA) Malaysia kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan seterusnya menyampaikan sijil tersebut kepada Ketua Pengarah JLKN, Yang Berbahagia Datuk Hadi Awang Kechil. Sehingga tahun 2011, 33 buah kem PLKN termasuk

sebuah Ibu Pejabat telah menerima sijil tersebut. Untuk tahun 2012, JLKN telah menasaskan baki 50 buah Kem PLKN lagi untuk mendapat sijil MS ISO 9001:2008 ini.

Acara terakhir dalam perhimpunan bulanan ini ialah penyampaian Sijil Pegawai Pengiring Terbaik yang bertugas sepanjang LIMA 2011 yang lalu di mana Puan Hamidah binti Ahmad dari JLKN telah dinobatkan sebagai Pegawai Pengiring Terbaik. Beliau merupakan pengiring kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Indonesia, Air Marshal Eris Heryanto. Sijil ini telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri. Sebelum perhimpunan bersurai, para hadirin telah mengaminkan doa yang dibaca oleh Mejar Haji Zulkifli bin Haji Mustapa dari Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera.

“SEBAGAI  
PENJAWAT  
AWAM  
MEMAINKAN  
PERANAN YANG  
PENTING SEBAGAI  
PELAKSANA  
DASAR-DASAR  
KERAJAAN”

# LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN

Artikel: Abdullah Fikry bin Masnoor (Pelatih UiTM)

Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad



Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi telah mengadakan lawatan kerja sehari ke Pangkalan-pangkalan Hadapan ATM di Kuantan, Pahang pada 8 Mac 2012 yang lalu. Turut hadir dalam lawatan kerja itu ialah YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Bin Yaakob yang sudi untuk meluangkan masa beliau untuk hadir sama dalam lawatan ini.

Dalam lawatan sehari ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan YAB Menteri Besar Pahang telah melawat Markas Wilayah Laut 1 (TLDM) di Tanjung Gelang, Markas 4 Briged (MEKANIZE) dan Pangkalan Udara (TUDM) Kuantan. Lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Pertahanan ini adalah bertujuan untuk berjumpa dan mengenali lebih dekat warga MAWILLA Satu, warga MEKANIZE dan warga Pangkalan Udara Kuantan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan anggota tentera.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga ingin melihat sendiri perkembangan markas dan pangkalan udara di Kuantan, disamping melihat keperluan-keperluan asas yang diperlukan di setiap kem dan mengetahui masalah-masalah yang wujud serta berusaha mencari jalan untuk mengatasinya agar kebajikan anggota tentera dijaga kerana mereka adalah aset pertahanan negara. Dalam ucapan beliau di setiap lawatan markas dan pangkalan tentera, Yang Berhormat Menteri Pertahanan menyeru seluruh anggota ATM supaya melaksanakan tugas hakiki mereka dengan penuh semangat dan sentiasa berusaha menjadi sebuah angkatan yang dihormati kawan dan digeruni lawan.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga dalam ucapannya turut memberikan pujian dan berterima kasih kepada anggota tentera laut dan udara kerana telah memastikan angkatan ATM berjaya menjadi sebuah organisasi yang dinamik, punya kredibiliti dan versatile disamping berjaya melaksanakan rancangan kerajaan iaitu Pelan Transformasi Negara (NTP) dan program di bawah Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS).

Dalam lawatan sehari ini, Yang berhormat Menteri Pertahanan dan YAB Menteri Besar Pahang telah berbesar hati menyampaikan beberapa sumbangan ikhlas untuk setiap kem. Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga telah berjanji untuk menaiktarafkan beberapa prasarana dan fasiliti demi keselesaan dan kegunaan warga kem tersebut.

Sebelum mengakhiri lawatan beliau, Yang Berhormat Menteri Pertahanan mewakili pihak KEMANTAH sempat mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Pahang kerana telah banyak membantu Angkatan Tentera Malaysia dari aspek pembangunan dan kebajikan anggota tentera di Pahang.



# UJANG NORMIN, WIRA NEGARA

Artikel & Foto : Mohd Yusrizal bin Ab. Razak (JHEV)

Beliau bernama Ujang Mormin dan telah dilahirkan pada 14 Jun 1921 di Rembau, Negeri Sembilan. Kini beliau berusia 91 tahun. Beliau telah berkhidmat di dalam perkhidmatan Tentera British pada 1939 sebelum diserap ke Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja pada 1942 semasa Perang Dunia Kedua sebagai Prebet. Beliau merupakan salah seorang anak Melayu pertama yang diserap ke batalion tersebut.

Sejarah perjuangan beliau bermula bersama Tentera British dalam pertempuran terakhir mempertahankan Singapura termasuk pertempuran di Bukit Chermin, Singapura. Perjuangan beliau adalah sezaman dengan perjuangan Lt Adnan bin Saidi yang turut bertempur dalam Pertempuran Bukit Chandu, Singapura. Perjuangan beliau diperakui oleh Kerajaan Britain dan telah dikurniakan pingat-pingat War Medal dan Pacific Star bagi perkhidmatan beliau dari tahun 1939 hingga 1945.

Beliau telah menamatkan perkhidmatannya pada tahun 1947 setelah berjuang hampir lima tahun mempertahankan bangsa dan tanahair. Setelah tamat perkhidmatan, beliau seterusnya meneruskan hidup beliau sebagai seorang Warden di Jabatan Penjara, Seremban. Veteran ATM ini telah mendirikan rumahtangga bersama Pn. Che Nah binti Bahaiddin dan mempunyai tiga orang anak. Isteri beliau telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2010. Kedua-dua anak perempuan juga telah meninggal dunia akibat kanser dan kini beliau hidup berseorangan.

Kini, beliau dibantu oleh seorang anak angkat beliau yang sedang menetap di Kuantan, Pahang dan cucu-cucu beliau dari segi bantuan pengangkutan serta perbelanjaan harian.



## PENGHARGAAN KERAJAAN

Beliau telah diperkenalkan buat kali pertama kepada Menteri Pertahanan dan media massa semasa Pelancaran Persatuan Bekas Warga Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja pada 10 Mac 2012 Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Di dalam majlis yang sama beliau menerima Pingat Jasa Malaysia.

Semasa Lawatan Kebajikan JHEV pada 12 April 2012, Wira Negara ini menerima perkhidmatan gembira dimana, Bantuan Sara Hidup bulanan beliau sebanyak RM200.00 yang telah diterima sejak tahun 2009 telah dinaikkan ke RM300.00 selepas melihat penderitaan dan kesukaran hidup beliau yang tua dan uzur dan seterusnya menerima tambahan sumbangan daripada Yayasan Veteran ATM sebanyak RM400.00 sebulan mulai April 2012.

Selain Bantuan Sara Hidup, beliau juga telah diberikan sepasang Alat Bantuan Pendengaran bernilai RM5,956.00 beserta sebatang tongkat untuk memudahkan pergerakan harian beliau.

Bagi menghargai jasa serta pengorbanan beliau ini, sumbangan ehsan Yayasan Veteran ATM sebanyak RM10,000.00 telah disampaikan oleh Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Datuk Hj. Zulkifli bin Zainal Abidin mewakili Panglima Angkatan Tentera kepada beliau.

# LAWATAN MENHAN KE PENDING

Artikel & Foto : Kapt Mohd Said Adam bin Mohamed Said  
(Markas 1 Divisyen)

Pada 16 Februari 2012, Menteri Pertahanan (MENHAN), YB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengadakan lawatan kerja ke 71 Batalion Kor Ordnans Diraja, Kem Pending yang akan dipindahkan ke Kem Muara Tuang, Kota Samarahan. Kem ini dipindahkan bagi memberi laluan pembinaan jalan serta jambatan yang menghubungkan kawasan Pending dengan Pusat Persidangan Borneo (BCCK). Turut mengiringi lawatan ini ialah Jen Datuk Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat, Mej Jen Datuk Mohd Zaki bin Hj Mokhtar, Panglima Divisyen Pertama Infantri Malaysia dan Pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan serta Pegawai-pegawai di Pejabat Perdana Menteri.





# SATU ANGKATAN: TETAP GAGAH, TETAP SETIA

Artikel : Mej Suria binti Sulaiman

Foto : Sel Perhubungan Raya, MTD

Perbarisan Hari Ulang Tahun Tentera Darat ke-79 yang disambut pada 1 Mac, mengekalkan tema yang sama seperti tahun lepas iaitu "1 Angkatan: Tetap Gagah Tetap Setia". Sambutan pada kali ini lebih menitikberatkan kepada dua dimensi iaitu 'Kesiapsiagaan Tempur' dan 'Kualiti Hidup' di samping lima unsur yang menjadi teras pendukung kepada dua dimensi tersebut iaitu Kesetiaan, Integriti, Kesatuan, Pengorbanan, dan Keunggulan akan juga terus dibangunkan dan disuburkan untuk membentuk jiwa tentera yang utuh.

Berdasarkan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat, turut ditekan enam ciri Akal Budi Ketenteraan. Pertama, Penampilan Kepahlawanan (Warrior Appearance). Kedua, Tingkah Laku Yang Jelas (Clear Personal Conduct). Ketiga, Standard

Kesopanan Ketenteraan (Standard Of Military Courtesy). Keempat, Tangunggjawab kepada Peralatan (Responsibility for equipment). Kelima, Kemahiran Ketenteraan (Military Skill) dan keenam, Motivasi Dalam Latihan (Motivation in Training). Keenam-enam ciri Akal Budi Ketenteraan ini akan terus mencerminkan tahap unsur kejiwaan yang menyumbang kepada Daya Juang Tentera Darat yang inklusif.

Tentera Darat akan meneruskan iltizam untuk membentuk 'Khairul Ummah' yang dapat memperkasakan tahap kesiapsiagaan tempur tahap yang paling optimum dan dapat memberikan tumpuan khusus kepada pembangunan Sumber Manusia pada sebilang masa. Ini adalah kerana modal insan atau Manusia (MAN) merupakan elemen yang paling utama dalam organisasi TD.

Dalam pada itu, Perbarisan kali ini terdiri daripada 622 anggota diketuai oleh Lt Kol Anuar bin Abd Aziz, yang melibatkan 21 pegawai dan 601 anggota Lain-Lain Pangkat. Perbarisan diiringi oleh Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu (PP RAMD) dan Pancaragam Pusat Kor Armor DiRaja (PP KAD). Semasa perbarisan ini turut diadakan Penyampaian Sijil Kepujian Ketua Perkhidmatan oleh Panglima Tentera Darat kepada anggota tentera dan awam bagi mengiktiraf kecemerlangan mereka dalam perkhidmatan. Seramai 10 orang yang menerima Sijil Kepujian tersebut seperti di bawah:

- |  |   |
|--|---|
| 1. 1090147 PW 1 Hasmizi bin Ismail         | - MK Latihan Tentera Darat.             |
| 2. 1082756 PW 2 Ismail bin Long            | - Jabatan Arah Kor Perkhidmatan Diraja. |
| 3. 1091993 PW 2 Mohd Ismail bin Abdul Aziz | - Rejimen Pertama Askar Melayu Diraja.  |
| 4. 1100324 PW 2 Zainal bin Abdul Samad     | - Rejimen Pertama Askar Melayu Diraja.  |
| 5. 1105539 SSjn Steven ak Kadir            | - Jabatan Arah Ordnans.                 |
| 6. 1111682 SSjn Ishak bin Saad             | - Jabatan Arah Armor.                   |
| 7. 1112752 SSjn Kadir bin Jungaton         | - Rejimen Ke-Enam Renjer Diraja.        |
| 8. 5002407 Sjn Rodzie bte Sikula           | - Bahagian Pasukan Simpanan.            |
| 9. Azizah bte Aziz                         | - Bahagian Pasukan Simpanan.            |
| 10. Vanadharajulu al V. Rajunaidu          | - MK Medan TD                           |





Panglima Tentera Darat, antara lain menyeru kepada seluruh warga Tentera Darat, untuk menjadikan kematangan usia yang mencapai 79 tahun ini, disertai dengan azam, tekad dan semangat untuk menggembeleng tenaga ke arah menjadikan Tentera Darat sebagai 'Teras Utama Kedaulatan Negara' seiring dengan cogan kata 'SATU ANGKATAN: TETAP GAGAH, TETAP SETIA. Antara petikan ucapan beliau semasa sambutan ulangtahun pada tahun ini.

"Tentera Darat kini telah menjangkau usia 79 tahun dan telah menjadi sinonim dengan pembangunan, pertahanan serta keamanan negara tercinta. Di samping itu, Tentera Darat sentiasa tampil ke hadapan untuk mengharumkan nama baik Negara di peringkat antarabangsa dalam misi-misi pengaman mahupun di dalam melaksanakan tugas-tugas bantuan kemanusiaan di seluruh pelusuk dunia. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan dan telah mencorakkan 'kelakuan organisasi' (organizational

behavior) yang mampan serta professional. Namun begitu, kita harus peka bahawa keadaan geo-strategik serantau serta global sentiasa berubah dan tidak menentu. Tatkala kita berjaya mengatasi satu cabaran maka banyak lagi dugaan lain yang timbul. Ini adalah ciri-ciri persekitaran yang wujud sekarang dan perlu kita harungi bersama. Sempadan di antara ancaman tradisional dan bukan tradisional (non traditional) juga semakin kabur, yang mana kepastiannya amat sukar diperolehi. Oleh yang demikian, setiap perubahan masa kini perlu

dihadapi secara pelbagai agensi dan ini mungkin menimbulkan banyak cabaran dan kesulitan. Keadaan ini akan bertambah mencabar lagi dengan kekangan ekonomi global yang sedang melanda, di samping fenomena 'penambahburukan ketegangan' (escalation of tension) yang semakin ketara. Keadaan yang kompleks lagi tidak menentu ini memberi justifikasi kepada Tentera Darat untuk meningkatkan lagi tahap kesiapsiagaan serta keupayaannya menangani sebarang kemungkinan melalui respons yang pantas serta 'decisive'.





## MAHLIGAI PUSPANITAKU

Artikel : Shahidah Banu binti Abdul Satar

Foto : Pbt Salina binti Johari

Pada tanggal 28 Februari 2012 tercatatlah satu sejarah penting di Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Pada tarikh tersebut, dengan rasminya sebuah rumah beralamat OMQ 73 LORONG KUBU, KEM KEMANTAH telah diserahkan kepada Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Kementerian Pertahanan untuk dijadikan sebagai medan aktiviti dan menggerakkan semangat kerjasama sesama ahli. Idea asal Yang Berbahagia Dato' Sri KSU telah direalisasikan oleh beliau dengan menyerahkan rumah ini untuk kegunaan PUSPANITA Kemantah pada awal bulan November 2011.

Rumah yang dijadikan mercu tanda PUSPANITA ini adalah sebuah rumah keluarga bertaraf Mejar di dalam Kategori C MOD. Penghuni terakhir ialah Kolonel Roslan bin Haji Rahman yang pada masa itu memegang jawatan Komandan, Kem Kementah. Sekarang beliau telah menjadi Pengarah BPA CSA di Sel Kebajikan. Beliau telah menyerahkan rumah tersebut pada tanggal 25 Mei 2011 dan berpindah ke penempatan baru.

Majlis telah dirasmikan pada pukul 11.00 pagi oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan ( KSU ). Didalam ucapan perasmianya, beliau telah melahirkan hasrat agar rumah ini digunakan dan dijaga serta dipenuhi dengan pelbagai aktiviti berfaedah selain dapat menambah lagi keakraban antara sesama ahli PUSPANITA.

Seramai lebih kurang 130 orang kenamaan dan ahli telah sama-sama memeriahkan majlis perasmian tersebut. Ahli jawatankuasa dari kesemua sembilan buah Jawatan Kuasa Kecil bertungkus lumus untuk memastikan majlis perasmian ini berjalan dengan lancarnya. Tahniat dan Syabas kepada semua JKK kerana telah membuat tugas yang diamanahkan dengan baik seperti JKK Kesihatan dan JKK Keusahawanan ditugaskan dibahagian penyediaan makanan. JKK Sukan Sosial dan JKK Taskanita bertugas sebagai penyambut tetamu manakala JKK Pembangunan Alam Bina Lestari pula telah ditugaskan untuk menyelia bab penyediaan khemah dan kerusi meja selain dari pengangkutan. Aktiviti sebenar kerja-kerja menguruskan majlis telah bermula seawal 8.00 pagi sehari sebelum majlis perasmian, kerja-kerja pemasangan khemah, penyusunan kerusi meja, pemasangan 'skirting', kerja-kerja mengemas luar dan dalam rumah seterusnya mencantikkan persekitaran juga telah dilakukan dan ianya berjalan dengan lancar.

Pelbagai aktiviti dijalankan semasa majlis persamian tersebut seperti lawatan ke sekitar rumah serta tayangan 'slide show' yang telah disediakan oleh JKK ICT Seranta dan JKK Kebajikan Agama.

Majlis perasmian tersebut berakhir dengan jayanya dan dengan rasminya RUMAH PUSPANITA telah menjadi satu lagi mercu kegemilangan PUSPANITA KEMANTAH.

# BAN KI-MOON KE PUSAT LATIHAN PENGAMAN MALAYSIA

Artikel : Abdullah Fikry bin Masnoor (Pelatih UiTM)  
Foto: Kpl Shahrulhezar bin Azizan

Setiasaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Ban Ki-Moon telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 22 Mac 2012 yang lalu. Lawatan ke PLPM merupakan salah satu agenda lawatan kerja beliau selama dua hari ke Malaysia yang bermula dari 21 Mac hingga 22 Mac 2012.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah Ketua Setiasaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar mewakili Panglima Angkatan Tentera, Ketua Staf Markas ATM Lt Jen Datuk Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan wakil tetap Malaysia di PBB YBhg Dato' Hussein bin Haniff. Antara acara yang telah disusun bersempena dengan lawatan tersebut ialah sesi taklimat yang telah disampaikan oleh Brig Jen Dato' Hasny bin Md Salleh, Ketua Pengarah Cawangan Latihan Pertahanan (CLP) dan meninjau kemudahan yang terdapat di PLPM.

PLPM adalah sebuah unit Perkhidmatan Bersama yang ditubuhkan pada 1 Januari 1996 untuk melatih anggota-anggota ATM serta agensi-agensi lain untuk melengkapkan pengetahuan bagi membolehkan mereka bertugas di bawah misi Pengaman PBB sebagai Pemerhati Tentera dan Staf untuk misi-misi Pengaman. Sejak hari pertama ia ditubuhkan PLPM telah melatih seramai 2276 orang pegawai terdiri daripada pegawai tentera tempatan, pegawai tentera asing, anggota tentera lain-lain pangkat, PDRM dan orang awam dari Bahagian Dasar Kementah.

Sehingga kini PLPM telah menganjurkan 49 Siri Kursus Pemerhati Tentera PBB (UNMOC), 12 Siri Kursus Logistik PBB (UNLOC), 6 Siri Kursus Jurulatih Operasi Pengaman (PKOIC) kerjasama GPOI, 5 Siri Kursus Pegawai Staf PBB (UNSOC) kerjasama GPOI, 6 Siri Kursus Tim Pemantau Antarabangsa (Mindanao) dan 9 Kursus Malaysia Medical Unit. Di dalam lawatan ke PLPM itu, Ban Ki-Moon telah diberi kesempatan untuk merasmikan auditorium yang baru sahaja siap dibina sepenuhnya di pusat latihan tersebut dan menghabiskan masa di PLPM selama satu jam sebelum menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA).



# 1 DIVISYEN DAPAT PERHATIAN KSU

Artikel & Foto : Kapt Mohd Said Adam bin Mohamed Said  
(Markas 1 Divisyen)



Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Dr Haji Ismail Hj Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Batalion Ke-11 Rejimen Askar Melayu Diraja (11 RAMD) dan Batalion ke-71 Kor Ordnans Diraja (71 KOD) pada 3 Mac 2012 yang lalu. Lawatan ini bertujuan meninjau kedudukan Kem Semenggo dan Kem Pending yang dicadangkan untuk dipindahkan bagi memberi laluan kepada projek pembangunan kerajaan negeri. Turut hadir pada lawatan ini ialah Mej Jen Datuk Rohisha Yahaya Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan Tentera Darat serta pegawai-pegawai kanan tentera.



27 JANUARI 2012



## PERBELANJAAN BERHEMAT LAGI TERKAWAL, PEMACU KECEMERLANGAN MINDEF

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto : LK STN (I) Roselly bin Ali

Dengan motto "Perbelanjaan Berhemat lagi terkawal, pemacu kecermerlangan Kementerian Pertahanan" berlansungnya Majlis menandatangani Program Bajet Mengurus 2012 yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Y.Bhg Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad pada 27 Januari 2012. Program ini diadakan untuk menyerahkan waran peruntukan tahun 2012 dan perjanjian program diantara pengurus program dan Pegawai Pengawal. Sepanjang majlis tersebut berlangsung, beberapa trofi diserahkan kepada pemenang dalam beberapa kategori. Antaranya penyampaian PTJ yang memproses bayaran dengan cemerlang, penyampaian PTJ terbaik dan PTJ terbaik keseluruhan. Diharap tahun ini, Kementerian Pertahanan bijak mengurus kewangan dengan baik dan sekaligus berbelanja dengan berkhemah.

### A. PUSAT TANGGUNGJAWAB TERBAIK TAHUN 2011

1. PTJ 110301 – BAHAGIAN KEWANGAN PROGRAM PENTADBIRAN PERTAHANAN KEMENTERIAN PERTAHANAN
2. PTJ 210201 – BAHAGIAN STAF PERISIKAN PERTAHANAN (BSPP) PROGRAM BANTUAN BERSAMA KEMENTERIAN PERTAHANAN
3. PTJ 330201 – INSTITUT PENGURUSAN TENTERA DARAT (IPDA) PROGRAM PERTAHANAN DARAT KEMENTERIAN PERTAHANAN
4. PTJ 440801 – MARKAS ANGKATAN KAPAL SELAM PROGRAM PERTAHANAN MARITIM KEMENTERIAN PERTAHANAN
5. PTJ 540801- PANGKALAN UDARA GONG KEDAK PROGRAM PERTAHANAN RUANG UDARA KEMENTERIAN PERTAHANAN

### B. PTJ TERBAIK KESELURUHAN TAHUN 2011

1. PTJ 330201 - INSTITUT PENGURUSAN TENTERA DARAT (IPDA) PROGRAM PERTAHANAN DARAT KEMENTERIAN PERTAHANAN





## LAWATAN “WALKABOUT” DARI ATASE PERTAHANAN

Artikel : Abdullah Fikry bin Masnoor (Pelatih UiTM)

Foto : Kpl Shahrulhezar bin Azizan

Seramai 25 orang delegasi negara luar yang terdiri daripada Duta/Pesuruhjaya Tinggi dan Atase Pertahanan telah mengadakan lawatan ‘WALKABOUT’ ke Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 30 Mac 2012. Antara delegasi yang hadir adalah dari negara Belgium, Chile, United States, Finland, Jordan, Mexico, India, Rusia, Norway, Singapura dan beberapa lagi negara lain. Lawatan ini adalah kerjasama di antara Kementerian Pertahanan dan United Nation Development Programme (UNDP) yang bertujuan untuk mengkomersialkan PLPM ke peringkat antarabangsa. Kementerian Pertahanan diwakili oleh Ketua Setiausaha, YBhg Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Ahmad sementara UNDP diwakili oleh Mr Kamal Malhotra selaku Resident Coordinator For Malaysia.

Turut hadir semasa lawatan ini ialah Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia, YBhg Lt Jen Datuk Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, TKSU (DASAR), Ybng Datuk Dr Ismail bin Haji Bakar dan Assiten Ketua Staf Operasi dan Latihan Pertahanan Markas Angkatan Tentera Malaysia, Laksamana Muda Dato’ Anuwi bin Hassan. Pada lawatan tersebut para delegasi telah mendengar taklimat mengenai sejarah penglibatan Malaysia di dalam misi-misi pengaman di seluruh dunia, penubuhan PLPM dan kursus-kursus yang ditawarkan. Para delegasi turut dibawa untuk meninjau dengan lebih dekat segala kemudahan kursus, penginapan dan riadah yang terdapat di pusat ini.

Melalui lawatan ini, Kementerian Pertahanan berpeluang menerokai usahasama strategik untuk inisiatif masa depan serta mengembangkan lagi program dan kursus yang sedia ada yang sedang dilaksanakan di PLPM seperti di bawah projek-projek usahasama antara UNDP dan Kerajaan Malaysia yang bermula pada tahun 2010. PLPM adalah sebuah unit Perkhidmatan Bersama yang ditubuhkan pada 1 Januari 1996 untuk melatih anggota-anggota ATM serta agensi-agensi lain untuk melengkapkan pengetahuan bagi membolehkan mereka bertugas di bawah misi Pengaman PBB sebagai Pemerhati Tentera dan Staf untuk misi-misi Pengaman. Sejak hari pertama ia ditubuhkan PLPM telah melatih seramai 2276 orang pegawai terdiri daripada Pegawai Tentera Tempatan, Pegawai Tentera Asing, Anggota Tentera Lain-lain Pangkat, PDRM dan Pegawai Awam dari Bahagian Dasar Kementah.

Sehingga kini PLPM telah menganjurkan 49 Siri Kursus Pemerhati Tentera PBB (UNMOC), 12 Siri Kursus Logistik PBB (UNLOC), 6 Siri Kursus Jurulatih Operasi Pengaman (PKOIC) kerjasama GPOI, 5 Siri Kursus Pegawai Staf PBB (UNSOC) kerjasama GPOI, 6 Siri Kursus Tim Pemantau Antarabangsa (Mindanao) dan 9 Kursus Malaysia Medical Unit.

# KSN TOWN HALL SESSION

Artikel : Abdullah Fikry Bin Masnoor (Pelatih UiTM)

Foto : Pbt Salina binti Johari

Ybhg Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah mengadakan perjumpaan dengan kakitangan awam yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan dan agensi dibawahnya pada hari Khamis bertarikh 26 Januari 2012 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan.

Pertemuan ini yang juga dikenali sebagai "KSN Town Hall Session" di mana KSN mengadakan sesi perjumpaan dengan kakitangan awam daripada 25 kementerian. Pertemuan ini bertujuan untuk menjalinkan komunikasi dua hala di antara KSN dan kakitangan awam di setiap kementerian. Sesi pertemuan di antara KSN dan kakitangan awam MinDef merupakan sesi yang ke-9 dan telah berlangsung selama satu jam setengah. "Melindungi" merupakan tema untuk sesi pertemuan kali ini.

Dalam sesi pertemuan KSN bersama penjawat awam di Kementerian Pertahanan, isu yang dibangkitkan dan dibincangkan bersama termasuklah mengenai star rating yang diadakan di kementerian, strategi lautan biru, pelaksanaan projek kementerian yang selalu mempunyai masalah untuk disiapkan dalam masa yang ditetapkan, Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), penerapan budaya kerja dan etika kerja kakitangan kerajaan di Jepun dan Singapura di kalangan kakitangan awam di Malaysia dan lain-lain perkara. Ketika YBhg KSN memberi jawapan terhadap isu yang dibangkitkan, beliau tidak lupa untuk mengaitkan jawapan beliau dengan tema pada hari itu.



YBhg KSN juga sempat mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan di atas pencapaian di dalam Anugerah Inovasi 2010. Beliau juga gembira dengan kerjasama dan persefahaman di antara tentera dan polis yang merupakan dua badan beruniform terbesar yang diberi mandat untuk melindungi negara daripada ancaman dalam dan luar negara disamping berkongsi kemudahan latihan serta melakukan rondaan bersama. Selain itu program Jiwa Murni yang diadakan oleh Kementerian Pertahanan juga mendapat pujian daripada YBhg KSN.

# PROGRAM BERSAMA ULAMA ANTARABANGSA

Artikel : Mej Mohd Nizam bin Mohd Zafri TUDM

Foto : Pbt Yussuhaimi bin Yussuf

Kementerian Pertahanan antara salah satu badan kerajaan yang turut mengalu-alukan kehadiran Ulama dari Yaman iaitu Habib Umar Ben Hafez. Satu program bersama ulama ini telah diadakan bertempat di Masjid Khalid Al- Walid Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur pada 21 April 2012 yang lalu. Program Bersama Ulama Antarabangsa Ihya Mahabbah Rasulullah (Mencintai Rasulullah) ini walaupun diadakan khusus untuk warga KEMANTAH tetapi telah turut dihadiri oleh penduduk-penduduk di sekitar Keramat, Setiawangsa dan Wangsa Maju. Kehadiran pada malam tersebut dijangkakan melebihi 5000 orang.

Program yang bermula pada jam 6.30 petang dimulakan dengan bacaan Qasidah dan seterusnya Solat Maghrib secara berjemaah. Ceramah yang bertajuk "Meneladani Semangat Pahlawan Sejati" telah disampaikan dalam Bahasa Arab tetapi diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia oleh Habib Zainal Abidin dari Yayasan Al-Bukhary. Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin hadir mewakili Menteri Pertahanan dan Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Wira Haji Mohammed Noordin Ali. Program ini adalah anjuran Yayasan Al Bukhary telah berakhir pada jam 9.00 malam.







# 1 DIVISIYEN BANGGA DIKTIRAF ENTITI TRANSFORMASI KERAJAAN

Artikel & Foto: Kapt Mohd Said Adam bin Mohamed Said  
(Markas 1 Divisyen)



Mej Jen Datuk Mohd Zaki Hj Mokhtar, Panglima 1 Divisyen telah menyerahkan sijil dan replika kunci rumah kepada YBhg Datu Hj Chaiti bin Hj Bolhassan, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak sebagai tanda penyerahan rumah Program Bantuan Rumah Daerah Serian pada 18 Feb 12 yang lalu di Dewan Masyarakat Serian.


Mej Jen Datuk Mohd Zaki berharap kehadiran 1 Divisyen dapat dirasai bukanlah semata-mata sebagai pelindung daripada ancaman musuh tetapi merupakan organisasi kerajaan yang membantu meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya di Sarawak. Beliau juga turut berbangga, 1 Divisyen dapat menjadi salah satu entiti yang berkeupayaan dalam melaksanakan program transformasi cetusan diilhamkan Perdana Menteri.



# “THE RIGHT MAN FOR THE RIGHT JOB”

Artikel: Mej Suria binti Sulaiman Foto: Kpl Shahrulhezar bin Azizan

Berempat di Kolej Tentera Darat telah diadakan Majlis Angkat Sumpah Pegawai Kadet Graduan Siri 27/2012 pada 1 April 2012 yang lalu. Seramai 62 orang Pegawai Kadet Graduan telah mengangkat sumpah pada majlis tersebut dan apa yang lebih menarik seramai 7 orang Pegawai Kadet Graduan Bukan Bumiputera turut serta mengangkat sumpah untuk menyertai perkhidmatan Tentera Darat, iaitu seramai 4 orang kaum Cina, 2 orang kaum India dan 1 orang dari bangsa Sikh. Penarikan minat bukan Bumiputera untuk menyertai ATM ini dianggap satu pencapaian yang boleh dibanggakan kerana KPI Menteri Pertahanan hanya mensasarkan 3 orang sahaja bukan Bumiputera untuk menyertai ATM pada tahun 2012.



Proses pemilihan Pegawai Kadet Graduan Tentera Darat pada peringkat awalnya telah diadakan di tiga lokasi iaitu PUSWATAN di Ipoh Perak, MK 3 Bgd di Sibu Sarawak dan MK 5 Bgd di Kota Kinabalu Sabah. Pada peringkat awal sebanyak 1,965 Borang Permohonan telah diterima oleh Cawangan Tenaga Kerja, Bahagian Perkhidmatan Anggota Markas Angkatan Tentera Malaysia. Setelah dibuat saringan awal seramai 136 orang calon telah hadir untuk sesi pemilihan dan menjalani beberapa tapisan pemeriksaan kesihatan dan fizikal hanya seramai 62 orang calon Pegawai Kadet Graduan yang kesemuanya lelaki layak untuk memasuki perkhidmatan Tentera Darat.



Antara Ijazah yang dimiliki oleh Pegawai Kadet Graduan ini adalah Ijazah Kejuruteraan Ukur dan Geomatik, Ijazah Sains (Remote Sensing), Ijazah Kejuruteraan Aeronatik, Ijazah Kejuruteraan Petroleum, TESL dan lain-lain lagi. Selepas upacara mengangkat sumpah Pegawai Kadet Graduan telah diserahkan kepada Komandan Kolej Tentera Darat, Kolonel Abd Malik bin Ali untuk menjalani latihan ketenteraan selama 9 bulan di sana sebelum ditauliahkan ke dalam Tentera Darat. Namun begitu salah seorang daripada Pegawai Kadet Graduan ini telah terpilih untuk menjalani latihan ketenteraan di Singapore armed Forces Training Institute (SAFTI).



# SEMINAR KEKELUARGAAN MINDEF

Artikel : Siti Nurhafizah binti Mohd Noh (Pelatih UKM) Foto: Kpl Shahrulhezar bin Azizan



Cawangan Latihan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Seminar Kekeluargaan pada 4 April 2012 (Rabu) bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan. Seminar yang berbentuk ilmiah ini telah diadakan dalam dua sesi yang cukup menarik. Sesi pertama telah berlangsung pada sebelah pagi iaitu ceramah berkaitan dengan "Faraid, Harta Sepencarian dan Pengurusan Hutang Selepas Kematian" yang telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif, Warisan Mukmin Sdn.Bhd, Tuan Haji Mohd Safri Bin Mahat. Warisan Mukmin merupakan agen Amanah Raya telah menerangkan dalam ceramah itu mengenai hak, kelayakan dan hukum faraid yang sebenar dalam pembahagian harta. Warisan Mukmin Sdn Bhd turut memperkenalkan pakej-pakej istimewa kepada kakitangan MinDef yang hadir antaranya pakej istimewa yang dipromosikan pematangan harga 15% ke atas penulisan wasiat yang pada asalnya RM350 kepada RM300.

Manakala sesi kedua pada sebelah petangnya pula dikendalikan oleh YBrs. Dr. Normi Binti Abdul Malik, seorang pensyarah Islamic Law Department, Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Beliau menyampaikan ceramah berkaitan dengan "Nusyuz Suami dan Nusyuz Isteri". Ceramah ini bertujuan memberi pendedahan mengenai kepimpinan dan tanggungjawab setiap ahli keluarga dalam membentuk sebuah keluarga yang mendapat keredhaan Allah dan memberi tip-tip menarik dalam usaha untuk membentuk keluarga yang cemerlang dan mendidik anak-anak agar menjadi insan yang soleh dan solehah. Ceramah ini bermula pada jam 8.30 pagi dan tamat pada 1.00 petang. Peserta yang terlibat seramai 150 orang yang terdiri daripada kakitangan awam dan anggota tentera warga Kementerian Pertahanan. Secara keseluruhan, sambutan yang diberikan oleh seluruh warga MinDef adalah amat menggalakkan dan diharapkan seminar sebegini dapat diteruskan lagi dimasa hadapan.





# UPNM, ATM & WMG PERKENAL PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK

Artikel & Foto: Bahagian Kepimpinan, Korporat dan Perhubungan Antarabangsa (BKKPA) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

**16** Februari 2012 di Dewan Bestari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Pelancaran Program Akademik UPNM-ATM-WMG telah disempurnakan oleh Laksamana Tan Sri Dato Sri Mohd Anwar Haji Mohd Nor (Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah UPNM. Pelancaran ini adalah untuk memperkenalkan program-program akademik yang sedang dan akan ditawarkan oleh Institut Pengajian Eksekutif UPNM (NDUM Executive of Education- NIEEd). Rancangan strategik UPNM ialah untuk membangunkan profesionalisme pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui program-program akademik yang disediakan khas untuk mereka melalui program Offset dengan kerjasama Warwick University, United Kingdom. Selaras dengan itu, UPNM telah memulakan dua program akademik mulai bulan Januari 2012 iaitu Msc in Engineering Business Management for Defence & Security dan Executive Diploma in Strategic and Defence Studies.

Program Master in Engineering Business Management (MEBM Warwick) dan Program Diploma (Diploma Eksekutif Pengajian Strategik dan Pertahanan-DEPSP) ini julung kali diadakan untuk pegawai-pegawai ATM. Ini merupakan satu pencapaian cemerlang UPNM kerana sekian lama sejak penubuhannya pada tahun 2006, UPNM hanya menawarkan program-program Ijazah Sarjana Muda.

DEPSP juga dijalankan secara bersama dengan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT). Ini merupakan program kerjasama pertama untuk ATM oleh UPNM. Melalui program DEPSP, UPNM mendapat 45 orang pelajar asing dari pelbagai negara seperti USA, United Kingdom, New Zealand, Australia, India, Pakistan, Bangladesh, Korea, China, Negara-negara ASEAN dan Afrika termasuk seorang pelajar dari PDRM. Program MEBM dijalankan di UPNM secara modular dengan tenaga pengajar didatangkan dari Warwick University dengan kerjasama pensyarah-pensyarah UPNM. Program DEPSP pula dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah UPNM untuk dua semester pertama manakala semester ketiga dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah tentera di MTAT.

Bagi program MEBM seramai 20 orang pelajar ATM dari ketiga-tiga perkhidmatan Darat, Laut dan Udara telah mendaftar. Manakala bagi program DEPSP seramai 165 orang pelajar tempatan terdiri daripada pegawai-pegawai ATM dan PDRM serta pelajar asing telah mendaftar. Tempoh pengajian bagi program MEBM ialah selama setahun secara sepenuh masa dan tiga tahun secara sambilan manakala bagi program DEPSP ialah selama satu tahun secara sepenuh masa.

Kerjasama UPNM dan WMG terjalin hasil program offset KEMENTAH dengan Syarikat Thales dari Perancis. Kerjasama telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPNM, Lt. Jen. Dato' Wira Allatif bin Mohd Noor dengan Pengerusi Warwick Manufacturing Group, WMG, Lord Bhattachariyya di United Kingdom pada tahun 2011 dengan disaksikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Manakala kerjasama ATM dan UPNM berasaskan Moto MTAT, "Knowledge is the Source of Strength". Peranan MTAT adalah untuk melatih pegawai berpangkat Mejar dan setaraf dari ketiga-tiga perkhidmatan ATM dalam bidang operasi ketenteraan supaya mereka dapat menjalankan tugas sebagai Pegawai Turus di dalam ATM. Cabaran tugas ketenteraan di era globalisasi memerlukan penglibatan ATM dalam operasi-operasi ketenteraan, pengamanan serta bantuan bencana alam. Pegawai-pegawai ATM yang berpengetahuan luas dengan teknik-teknik operasi serta pengaplikasian teknologi amat diperlukan.

Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah Lt Jen. Dato' Wira Allatif Mohd Noor, Naib Canselor UPNM, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Hj Razak bin Md Yusoff, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Markas ATM sebagai mewakili Ketua Staf ATM dan Prof. Lord Kumar Bhattacharyya, Pengerusi dan Pengasas WMG.





Kementerian Pertahanan  
Telah Memperbaharui  
Persijilan Program  
**Amalan Persekitaran  
Berkualiti 5S**  
Pada

**31 Oktober 2011**



## MEMBUDAYAKAN AMALAN 5S MINDEF

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto : Sel Rujukan & Penerbitan, UKK

**5S** merupakan amalan budaya dalam masyarakat Jepun. Mula diperkenalkan di Singapura pada tahun 1986 dan seterusnya dipraktikan di Malaysia, Thailand, Korea, China, India, Indonesia, Sri Lanka dan Russia. Program ini adalah amalan asas kearah peningkatan produktiviti dan kualiti kerana melalui penerapan amalan ini dalam budaya seharian akan menghasikan persekitaran yang sistematik dan kondusif. Shitsuke atau sentiasa amal memberi galakan kepada pekerja dalam mematuhi peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengan sendirinya. Melalui amalan kelima dan terakhir ini, diharap warga Kementerian sudah arif dan sentiasa mengetahui akan tanggungjawab masing-masing kearah persediaan kita dalam Persijilan Semula Program Amalan Persekitaran Berkualiti 5S untuk tahun yang ketiga dan tahun pertama dinilai oleh pihak MAMPU.



Tarikh Tamat : 30 Oktober 2012  
**Ke Arah Pengkorporatan 5S**





## ULANGTAHUN MEMPERINGATI VETEREN AUSTRALIA YANG KE-70

Artikel & Foto : Mohd Yusrizal bin Ab. Razak (JHEV)

### DINNER RECEPTION

Ketua Pengarah JHEV telah mewakili Menteri Pertahanan Malaysia dalam Dinner Reception yang telah dihoskan oleh Menteri Hal Ehwal Veteren Australia, Warren Snowdon MP yang telah diadakan di Pan Pacific Hotel, KLIA pada 13 Februari 2012. Selain Menteri Hal Ehwal Veteren Australia, seramai enam orang veteran Australia yang telah terlibat dalam Battle of Malaya and Singapore juga menyertai rombongan ini.

### LAWATAN VETEREN AUSTRALIA WWII KE GEMAS MEMORIAL, NEGERI SEMBILAN

Veteren Australia Perang Dunia Kedua bersama Menteri Hal Ehwal Veteren Australia telah mengunjungi Gemas Memorial, Kampung Sungai Kelamah, Gemas, Negeri Sembilan pada 14 Februari 2012. Turut hadir Ketua Pengarah JHEV.

### Maklumat mengenai Gemas Memorial

Tugu ini dibina sebagai memperingati bekas-bekas tentera Australia dan Jepun serta keluarga mereka yang terkorban semasa berlakunya peperangan Batalion Australia ke 2/20 dengan tentera Jepun pada 12 Januari 1941.

Dalam peperangan ini, tentera Australia yang diketuai oleh Lt Kol Gallagher telah melakukan serangan hendap terhadap kemaraan askar-askar Jepun ke Tampin.

Pertempuran ini telah meletus dan berlarutan ke hari berikutnya.

Dalam usaha menghalang kemaraan tentera Jepun, jambatan kayu yang merentasi Sungai Gemencheh yang menghubungkan Tampin dengan Gemas terpaksa diletupkan. Tapak jambatan dan beberapa batang tiangnya masih kekal hingga ke hari ini.

### LAWATAN VETEREN AUSTRALIA WWII KE PARIT SULONG, JOHOR

Veteren Australia Perang Dunia bersama Menteri Hal Ehwal Veteren Australia telah mengunjungi Tugu Peringatan Parit Sulong, Batu Pahat, Johor pada 14 Februari 2012. Turut hadir Ketua Pengarah JHEV. Tugu ini dibina oleh kerajaan Australia untuk memberi penghormatan kepada rakyatnya yang telah berjuang dan terlibat dalam peperangan di Malaya antara bulan Disember 1941 dan Februari 1942, khususnya dalam Perang Muar dan pembunuhan beramai-ramai di Parit Sulong, dengan membina sebuah tugu peringatan perang di Parit Sulong.





## LT ADNAN DALAM KENANGAN

Artikel & Foto : Pbt Muhammad Fauzan Syauki Bin Ishak (PRTD)

**D**alam keghairahan masyarakat terutamanya generasi muda pada hari ini

menyambut tarikh 14 Februari sebagai Valentine Day atau hari memperingati kekasih, kita lupa pada hari itu juga mencatatkan satu peristiwa penting yang perlu diingati untuk membangkitkan semangat cinta dan kasihkan Negara.

Tarikh 14 Februari menyaksikan satu tragedi, satu pengorbanan dan satu perjuangan seorang anak Melayu, yang tidak pernah merasa gentar berdepan dengan maut demi mempertahankan tanah Melayu dari penaklukan tentera Jepun

Walaupun tewas namun perjuangan beliau tidak pernah ada noktahnya dan semangat itu terus membara bersama-sama pahlawan dan para pejuang tanah air yang lain sehingga ke hari ini, mungkin ramai generasi muda tidak mengenali tokoh pejuang tanah air ini.

Lt. Adnan Saidi merupakan anak sulung dalam sebuah keluarga berketurunan Minangkabau kelahiran Sungai Ramal, Kajang Selangor. dilahirkan pada 1915, Adnan mendapat pendidikan awal di Pekan Sungai Ramal dalam aliran Inggeris dan merupakan pelajar yang pintar dan berdedikasi. Setelah tamat persekolahan beliau memulakan karier sebagai guru pelatih selama setahun

sebelum memutuskan untuk menyertai Tentera pada 1933 ketika berusia 18 tahun, setelah beliau di hantar ke Singapura beliau merupakan salah seorang dari 25 anak Melayu pertama yang dipilih menyertai Pasukan Askar Melayu dan berjaya menamatkan latihan serta terpilih sebagai rekrut terbaik.

Pada 1936, beliau dinaikkan pangkat Sarjan dan setahun kemudian Lt. Adnan terpilih mewakili platunnya dalam perbarisan memberi tabik hormat di London bagi menyambut Pertabalan Raja George VI. Tidak lama selepas itu, beliau sekali lagi dinaikkan pangkat kepada Kompeni Sarjan Mejar dan dihantar ke Singapura untuk kursus latihan pegawai. Setelah menamatkan kursus beliau dinaikkan pangkat ke Leftenan Muda dan dilantik sebagai Ketua Platun ke-7, Kompeni 'C'.

Lt. Adnan berkahwin dengan seorang guru di kampungnya, Sophia Pakih Muda serta dikurniakan dengan tiga orang cahaya mata, iaitu dua lelaki, dan seorang anak perempuan yang meninggal setelah kejatuhan Singapura.

Pada 1941, Lt. Adnan membawa keluarganya tinggal di Pasir Panjang dan ketika berita pihak Jepun bersedia menyerang Singapura, beliau membawa keluarganya kembali ke kampung mereka di Kajang dan pada ketika itu isterinya telah mengandungkan anak yang ketiga. Itulah kali terakhir Lt. Adnan bersama keluarganya sebelum menemui ajalnya di Bukit Chandu.





Foto : Kpl Shahrulhezar bin Azizan

ISSN 1511-1849



9 771511 184008

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur Tel: +603 2071 3980 & +603 2071 4008 Fax: +603 2691 1757